

MINIT MESYUARAT BIL 2/2017
JAWATANKUASA KERJA SUMBER & BAHAN LESTARI
(SESI 2017-2018)

TARIKH : **7 OGOS 2017 (Isnin)**
MASA : **2.30 petang – 4.30 petang**
TEMPAT : **Bilik Mesyuarat Utama**
Tingkat 11, Cawangan Arkitek,
Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur

KEHADIRAN

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Jawatan</u>
Pengerusi		
1.	En. Ab. Rashid Bin Abdullah Cawangan Kejuruteraan Jalan & Jambatan	Arkitek Penguasa Kanan
2.	Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan	Jurutera Awam Penguasa Kanan
3.	En. Maizali Halil Ghazali Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga	Juruukur Bahan J41
4.	Ar. Siti Mazlina Zarmani Cawangan Kejuruteraan Elektrikal	Arkitek J44
5.	Pn. Nurul Juliana Shahrudin Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur	Jurutera Elektrik J41
6.	Pn. Wan Hidayatul Hak Bt Wan Jusoh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	Jurutera Awam J48
7.	En. Mohd Yusof Aizad B. Mukhtar Cawangan Arkitek	Jurutera Mekanikal
8.	Ar. Ooi Tee Lee	Arkitek Penguasa
9.	En. Muhammad Imraan Anuar Urusetia	Arkitek Penguasa
10.	Pn. Marzianna Binti Ahmad	Arkitek J41
11.	Pn. Zaleha Bt Mohamed Hashim	Pelukis Pelan Senibina

Bil. NamaJawatan**Senarai Tidak Hadir**

12. Wakil dari Caw. Kejuruteraan Senggara
Bhgn Senggara Bangunan)

Bil.	Perkara Dibincangkan	Tindakan
1.0	PENDAHULUAN OLEH PENGERUSI	
1.1	Kata-kata Aluan Pengerusi memberikan ucapan aluan dan terima kasih ke atas kehadiran dan semua Ahli Jawatankuasa Sumber dan Bahan dan memaklumkan bahawa Pengarah Kanan tidak dapat mempengerusikan mesyuarat ini dan mewakilkan Arkitek Penguasa Kanan BKSB untuk meneruskan agenda mesyuarat.	Makluman
1.2	Latar Belakang Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat ini adalah untuk melaporkan status semasa pencapaian pelan tindakan Jawatankuasa Sumber & Bahan selepas mesyuarat telah bersidang pada 14hb Mac 2017 dan untuk dibawa ke Mesyuarat JK Induk Pembangunan Lestari JKR Malaysia Bil. 1/2017 pada 24hb Ogos 2017.	Makluman
2.0	MAKLUMBALAS ISU-ISU	
2.1	SKOP : PENGURUSAN SUMBER DAN BAHAN Deraf Standard GPSS masih dalam proses kemaskini oleh kerana terdapat komen yang terkini daripada wakil . Status terkini menunggu <i>Public Comments</i> dari SIRIM.	CASKT
2.2	Wakil CASKT memberi maklumbalas bahawa deraf Standard GPSS adalah diperingkat akhir dan memerlukan 2-3 minggu bagi menghasilkan buku Standard GPSS tersebut memandangkan jangkamasa untuk Pelan Tindakan telah melangkaui tarikh sasaran.	CASKT
2.3	Tuan pengerusi juga mohon CASKT untuk mengemukakan inisiatif setelah GPSS disiapkan serta pemantauan dari segi penggunaan dokumen GPSS tersebut	CASKT
2.4	CKAST membangkitkan agar JK Sumber & Bahan dapat bergerak dengan lebih aktif untuk mempromosikan produk-produk hijau serta penggunaan dokumen Standard GPS di seluruh.	Makluman
2.5	Projek-projek yang dinilai melalui pH JKR/My Crest CASKT memaklumkan 3 projek yang tersenarai di dalam Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan sebagai projek yang menggunakan GPSS yang telah di buat pra-penilaian. (Senarai projek : rujuk lampiran)	Makluman
2.6	Green Directory (JMAL) Ahli mesyuarat bersetuju untuk mengangkat isu JMAL ke Jawatankuasa Induk bagi membincangkan tahap relevan penggunaannya memandangkan keadaan semasa terdapat platform lain yang lebih komprehensif menyenaraikan Green Product.	Makluman
2.7	En. Muhammad Imraan wakil Cawangan Arkitek membentangkan Green Directory lain kepada ahli mesyuarat seperti <i>Green Pages</i> oleh <i>Malaysia Green Building Confederation (MGBC)</i> .	

Bil.	Perkara Dibincangkan	Tindakan
2.8	<p>Berikut adalah senarai produk hijau yang telah dimuatnaik ke dalam JMAL</p> <p>CA : 17 produk</p> <p>CKE : 11 produk</p> <p>CKM : 7 produk</p> <p>CJ : masih tiada</p> <p>CKAS : masih tiada</p> <p>Tuan penggerusi meminta CJ dan juga CKAS untuk memberi inisiatif bagi mengemaskini data produk hijau di dalam Green Directory (JMAL). Pelaksana yang lain diminta juga menyenaraikan & mengemukakan produk-produk hijau yang telah dimuatnaik.</p>	CA/CKE/CKM/ CJ/CKAS
2.9	<p>Wakil CKE dan CKAST memaklumkan bahawa penggunaan JMAL adalah masih relevan, oleh kerana ia digunakan di dalam pHJKR dan MyCREST serta projek di bawah Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP). JK Sumber & Bahan perlu mengkaji semula isu ini sebelum diangkat ke mesyuarat JK Induk Pembangunan Lestari.</p>	Makluman
2.10	<p>Wakil CKAS dan CJ memberitahu bahawa mereka masih tiada proses kerja yang jelas untuk ke arah JMAL dan akan berbincang bersama pihak atasan bagi mencapai sasaran pelan tindakan ini.</p>	CJ
2.11	<p>Ahli Jawatankuasa perlu memikirkan cadangan bagi menetapkan proses kerja dan arahan yang jelas bagi memantapkan <i>Green Directory</i> (JMAL).</p>	Makluman
2.12	<p>SKOP: KOMPENTENSI</p> <p>CASKT akan menyemak semula petunjuk prestasi bagi skop berkaitan pasukan projek bertauliah untuk program pemantapan penggunaan Manual GPSS dan sasaran adalah berdasarkan jumlah projek serta akan memberikan output sebenar</p>	CASKT
	<p>CKAS melaporkan output sebenar petunjuk prestasi seperti berikut:</p> <p>Latihan : 6</p> <p>Road show : Telah diadakan pada 1-3hb Ogos 2017 di Johor & Melaka</p> <p>Seminar : Perancangan pada sept/okt 2017</p>	Makluman
3.0	HAL-HAL LAIN	
3.1	<p>Peranan CPAB</p> <p>Menyemak semula peranan CPAB dalam jawatankuasa ini sama ada pihak CPAB akan terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu JK Sumber & Bahan</p>	Makluman
3.3	<p>Mengemaskini Pelan Tindakan</p> <p>Pihak urusetia memaklumkan wakil yang terlibat untuk mengemaskini Jadual Pencapaian Pelan Tindakan mengikut keperluan skop masing-masing.</p>	CASKT/CKAS/ CA
3.4	<p>Tuan penggerusi mengucapkan terima kasih di atas kerjasama ahli yang hadir pada mesyuarat ini. Mesyuarat ditangguhkan jam 4.30 petang</p>	Makluman

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat - Bahagian Kepakaran Seni Bina, Cawangan Arkitek.